

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Wednesday, 13 June, 2012 4:20 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PROFESOR PELAWAT UUM SAMPAIKAN CERAMAH DI SEMINAR 'IPv6 INDUSTRY TALK



13 JUNE 2012 / 23 REJAB 1433H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBrs Prof/Prof Madya/Tuan/Puan



UUM ONLINE: Prof Rahmat Budiarto, Profesor Pelawat dari Pusat Pengajian Pengkomputeran, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dijemput sebagai penceramah di Seminar 'IPv6 INDUSTRY TALK 2/2012' bersempena sambutan Hari Pelancaran IPv6 Sedunia, anjuran bersama Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) dan Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB), di Auditorium SKMM, Cyberjaya, baru-baru ini.

Penglibatan dan sumbangan Prof Rahmat sebagai penceramah memberi impak yang positif dan amat bermakna kepada UUM berkaitan dengan perkembangan IPv6 di Malaysia.

Beliau telah menyampaikan ceramah yang bertajuk 'UUM Migration Plan Towards IPv6'. Antara pengisian ucapan beliau ialah berkaitan pengalaman dan perancangan dalam usaha melaksanakan transisi rangkaian kampus UUM ke rangkaian IPv6.)

Objektif seminar ini adalah untuk membuka ruang kepada peserta dan juga penceramah berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai pelaksanaan dan transisi IPv6 di Malaysia.

Ia bertepatan dengan sasaran baru yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk memastikan keseluruhan sektor awam dan swasta di Malaysia tersedia IPv6 secara dual stack pada akhir tahun 2013 dan peralihan IPv6 sepenuhnya (native) bagi perkhidmatan utama seperti laman sesawang, e-mel dan DNS menjelang akhir tahun 2015.

IPv6 adalah protokol terbaru Internet yang memiliki ruang alamat Internet Protokol (IP) yang sangat besar kerana prokol ini menggunakan sistem pengalamatan 128 bit.

Alamat IP sebelumnya, IPv4 menggunakan pengalamatan 32 bit dan dijangka akan habis pada tahun ini. Penggunaan Internet melalui peralatan bergerak berkembang pesat seiring dengan diterima pakainya piawaian LTE untuk komunikasi 4G. Oleh itu, rangkaian sedia ada harus beralih ke IPv6

School of Computing

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 4708/4714

Fax : + 60 (4) 928 4753

Email : computingnet@uum.edu.my

"Working together for the excellence of School, Stud

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.